

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI JUALAN SECARA LELONGAN AWAM DI FOCAL PARK SDN BHD

1. Jualan ini dikelolakan oleh **Focal Park Sdn Bhd** (358698-H) (dikenali sebagai **Rumah Lelongan**) adalah merupakan agen Penjual bagi kenderaan (dikenali sebagai **Pemilik Rasmi**) bagi kenderaan yang disenaraikan dalam Perisytiharan Jualan yang tertakluk peraturan-peraturan yang ditetapkan atau dikenakan atas atau berhubung kepada atau mempengaruhi sesebuah kenderaan.
2. Orang ramai atau Pembida atau Pembeli yang memasuki premis Rumah Lelongan adalah di bawah tanggungan sendiri. Rumah Lelongan mempunyai kuasa, jika dilaksanakan dengan penuh kuasa tertentu, tidak membenarkan kemasukan atau kehadiran sesiapa ke dalam premis atau melakukan tawaran dalam perlelongan.
3. Semua pembida hendaklah mendaftar dengan **Kad Pembida Yang Sah** yang disediakan oleh Rumah Lelongan. Pembida mestilah menunjukkan Kad tersebut kepada **Jurulelong Awam Berlesen** (dikenali sebagai **Pelelong**) yang dilantik oleh Rumah Lelongan semasa membuat bida-bida dalam perlelongan. Tanpa kad tersebut tidak dibenarkan membuat apa-apa bida.
4. Pembida tertinggi yang disahkan akan diisytiharkan sebagai **Pembeli** yang sebenarnya bergantung kepada harga rizab, jika ada.
5. Premium Pembeli dikenakan atas kebanyakan oleh Focal Park Sdn Bhd dan kadar premium boleh didapati dalam Katalog Pembeli.
6. Jika terdapat perselisihan faham di antara dua atau lebih pembida, Pelelong berhak pamer atau lelong semula lot yang terselisih.
7. Pelelong atau Rumah Lelongan mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan hak pembida pihak penjual. Pelelong atau Rumah Lelongan boleh menolak bida, tawaran atau menarik balik lot lelongan dari mana-mana pembida tanpa apa-apa sebab.
8. Pelelong atau kerani Pelelong diberi kuasa untuk menandatangani nota atau memorandum kontrak kepada pembida tertinggi bagi mana-mana lot yang telah dilelongkan di bawah Seksyen 4, Akta Jualan Barangan 1957. Sebaik sahaja ketuknya penukul Pelelong, pembida di mana lotnya ditukulkan adalah wajib menyatakan **Nombor Pembeli**, membayar deposit sepertimana yang dikehendaki dan dinyatakan dalam Katalog Pembeli, atau membuat bayaran penuh jika diminta oleh Pelelong atau Rumah Lelongan. Deposit mesti dibayar dalam bentuk **Tunai dan Draf Bank** atas nama **Focal Park Sdn Bhd**. Pembeli mesti turut juga membayar Premium Pembeli sebanyak **RM500.00** kepada Focal Park Sdn Bhd. Segala caj-caj bank (jika ada) akan ditanggung oleh Pembeli.
9. Oleh kerana kesemua lot dibenarkan untuk “dilihatnya” dan “diperiksa” sebelum perlelongan, maka tiada wang pulangan balik akan dibuat. Pembeli tidak dibenarkan menolak mana-mana lot di atas dasar lot tersebut jika terdapat perbezaan lot dalam Katalog Pembeli. Seseorang Pembeli hendaklah menerima sesuatu barangan berserta sebarang kerosakan yang mungkin terdapat pada barangan tersebut. Dari ketika penukul diketuk, barangan tersebut adalah di bawah tanggungan Pembeli. Pelelong atau Rumah Lelongan adalah bebas dari sebarang tanggungjawab dalam penjagaan, kerugian dan kerosakan barangan yang berlaku disebabkan oleh sebarang perbuatan, kecuaiian atau kesilapan Pelelong atau Rumah Lelongan atau pkerjanya atau agennya.
10. Baki harga belian mesti dibayar kepada Focal Park Sdn Bhd tidak melebihi 7 hari dari tarikh perlelongan dalam bentuk **Tunai/Draf Bank/Pindahan Telegrafik (T.T)** atas nama **Focal Park Sdn Bhd** atau surat kelulusan bagi pinjaman semula dari syarikat kewangan atau bank.
11. Setelah selesai proses penjualan barangan, pengambilan barangan akan dibenarkan sehingga jam 4.00 petang dan dari 9.00 pagi sehingga 4.00 petang pada hari bekerja berikutnya seperti dinyatakan

dalam Katalog Pembeli. Pengambilan barangan hanya dibenarkan dengan mengemukakan resit rasmi yang dikeluarkan oleh Rumah Lelongan di mana semua bayaran telah selesai.

12. Jika Pembeli gagal mematuhi syarat-syarat ini, wang bayaran bagi sebahagian nilai barangan akan dilupuskan. Kesemua lot yang tidak diambil mungkin akan dijual semula secara lelongan awam atau kontrak persendirian. Pembeli juga perlu membayar wang perbezaan jualan semula berbanding dengan harga jualan sebelumnya berserta kos jualan semula.
13. Semua barangan yang telah membuat bayaran penuh hendak diambil oleh Pembeli di bawah tanggungannya. Jika Pembeli gagal berbuat demikian dalam jangka masa yang dinyatakan dalam Katalog Pembeli, Pembeli bertanggungjawab membayar kos gudang kepada Rumah Lelongan bagi setiap minggu atau sebahagian dari minggu bergantung kepada kuantiti barangan yang masih tertinggal. Kadar kos gudang dikira berdasarkan kadar gudang semasa bagi barangan yang sama dikenakan oleh Rumah Lelongan. Semua barangan yang tidak diambil, mungkin dijual semula secara lelongan awam atau jualan persendirian tanpa sebarang notis kepada Pembeli. Harga barangan tersebut juga akan dilupuskan di atas risiko dan tanggungan Pembeli. Segala kos dan kos gudang yang dikenakan kepada Pembeli akan ditolak dari hasil jualan atau lain-lain perlepasan.
14. Jika berlaku sebarang kekurangan kuantiti barangan ketika perlelongan dan ketika pengambilan barangan, Pembeli perlu mengambil barangan tersebut. Rumah Lelongan hanya bertanggungjawab menyerahkan kuantiti barangan yang ada sahaja. Pembeli tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan tentang kekurangan tersebut, kecuali tuntutan dilakukan sebelum barangan tersebut dikeluarkan dari premis Rumah Lelongan.
15. Sekiranya tarikh bayaran atau pengambilan barang di bawah syarat-syarat ini jatuh pada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum (hari Jumaat di mana yang bersesuaian), pengambilan barangan hendaklah dibuat pada hari bekerja berikutnya.
16. Duti kerajaan dan cukai jualan yang berpatutan akan dikenakan pada harga belian jika berkenaan.
17. Tiada jaminan bahawa mana-mana barangan elektrikal yang dijual mematuhi syarat-syarat keselamatan Jabatan Bekalan Elektrik. Pembeli perlu memahami bahawa menurut undang-undang Malaysia, Pembeli adalah dikehendaki membawa barangan tersebut untuk diperiksa dan jika perlu dibaiki oleh kontraktor elektrik sebelum digunakan atau dijual semula.
18. Pembeli adalah tertakluk kepada masa yang ditetapkan di dalam syarat-syarat ini.
19. Hanya Pelelong atau Rumah Lelongan sahaja yang berhak membuat keputusan di atas kes yang dipertikai.
20. Barangan hanya akan dikeluarkan dengan pertunjukan inbois asal dan resit rasmi dengan bayaran penuh.
21. Permintaan bayaran balik hanya dibenarkan jika,
 - a) Pembeli mengemukakan Pemilik Rasmi dengan bukti dokumen dari Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ) yang mengesahkan proses pindah milik telah didaftarkan dalam jangka masa 30 hari setelah penerimaan dokumen pendaftaran yang dikeluarkan Pemilik Rasmi dan tuntutan bayaran balik mesti dilakukan dengan Pemilik Rasmi tidak lewat dari 30 hari, setelah penerimaan pengesahan untuk pendaftaran dari JPJ ditolak. Bayaran balik Pemilik Rasmi adalah terhad, tidak akan melebihi amaun dibayar, bebas dari faedah dan Pembeli tidak akan membuat apa-apa tuntutan terhadap Pemilik Rasmi serta pihak Rumah Lelongan.
 - b) Kegagalan Permindahan hakmilik hanya dipengaruhi atas alasan Pemilik Rasmi sahaja. Jika kesalahan trafik atau saman tertunggak kepada pihak-pihak berkenaan yang tidak akan mempengaruhi proses permindahan hakmilik, Pemilik Rasmi atau Rumah Lelongan tidak akan melayani atau bertanggungjawab untuk bayaran balik.

22. Kenderaan adalah “dijual dengan dilihatnya” atau “sebagaimana” (as is) dan “di mana” (where is.) Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Rumah Lelongan dalam dokumen perlelongan atau secara lisan atau secara bertulis di mana-mana berhubung kenderaan-kenderaan berkenaan adalah semata-mata matlummat-matlummat yang terbaik atau fakta-fakta yang sedia ada dan tidak harus dipercayai sebagai kenyataan tepat dan adalah dicadangkan membuat Carian Butir-butir Kenderaan (Vehicle Search) atas kos Pembeli dengan pihak-pihak berkenaan untuk mengesahkan kenderaan tersebut.
23. Perlelongan mungkin akan ditunda, dibatal atau tergendala pada bila-bila masa tanpa sebarang sebab.
24. Mulai dari masa jualan dilakukan, Pembeli bertanggungjawab di atas kerosakan atau kerugian kenderaan akibat kebakaran atau kemalangan atau sebaliknya.
25. Penyewa kenderaan berhak membida dalam perlelongan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 Sek 18.(4)(a) (Akta 212.)
26. Rumah Lelongan mempunyai hak sendiri untuk menukar atau membuat tambahan atau pembatalan mana-mana terma-terma atau syarat-syarat ke atas jualan secara lelongan awam.
27. Syarat-syarat yang terdapat di sini adalah penjemahan dari syarat-syarat asal dalam Bahasa Inggeris jika terdapat sebarang percanggahan, syarat asal dalam Bahasa Inggeris adalah muktamad.

TERMA DAN SYARAT-SYARAT KHAS JUALAN SECARA LELENGAN AWAM.

DEPOSIT SEBANYAK RM 1,000.00 UNTUK KENDERAAN BERMOTOR YANG HARGA BELIAN TIDAK MELEBIHI RM100,000.00 ATAU DEPOSIT SEBANYAK 10% UNTUK KENDERAAN BERMOTOR YANG HARGA BELIAN MELEBIHI RM100,000.01 KE ATAS DAN DEPOSIT RM5,000.00 UNTUK PELBAGAI JENTERA PERLU DIBAYAR DALAM BENTUK TUNAI ATAU DRAFT BANK SEBAIK SAHAJA PENUKUL DIKETUK OLEH PELELONG.

BAKI BAYARAN HENDAKLAH DIBUAT MELALUI TUNAI/DRAFT BANK/PINDAHAN TELEGRAFIK (T/T.) ATAU KELULUSAN PINJAMAN DARIPADA SYARIKAT KEWANGAN ATAU BANK SEBELUM MENGAMBIL BARANGAN OLEH PEMBELI.

Menjelang proses jualan, pembeli akan diberi maklumat berhubung kerosakan ke atas kenderaan yang ditawarkan untuk perlelongan. Ini akan dilakukan jika kerosakan tersebut telah dikenalpasti tetapi ini tidak bermakna tiada kerosakan lain yang perlu dibaiki. Walaubagaimanapun, kenderaan yang ditawarkan adalah di bawah keadaan “**terlihatnya**” atau “**sebagaimana**” (as is) dan “**di mana**” (where is) dan di bawah tanggungan Pembeli seperti di perenggan 9 Syarat-syarat Jualan Secara Lelongan Awam.

Pembeli Kenderaan Dinasihatkan Supaya Mengambil Perhatian Tentang Syarat Khas Berhubung Dengan Pendaftaran Kenderaan Seperti Berikut:

Sebahagian daripada kenderaan yang disenaraikan untuk tawaran adalah didaftarkan di Malaysia dan pendaftaran tersebut akan dipindahmilik kepada Pembeli sebagaimana peraturan-peraturan JPJ Malaysia. Pembeli persendirian (selain yang dikecualikan) perlu membayar yuran pindahmilik, duti setem dan insuran kenderaan jika perlu kepada Rumah Lelongan dan borang permohonan pindahmilik kenderaan perlu dipenuhi sebelum pengambilan barangan. Pendaftaran Pindahmilik bagi kenderaan atau mesin adalah tanggungjawab pembeli.

Kenderaan-kenderaan import yang ditawarkan (termasuk kenderaan perdagangan) adalah tidak didaftarkan dan tertakluk kepada kehendak-kehendak Akta Kastam 1967 dan Akta Jabatan Pengangkutan Jalan 1987 (Act 33) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sebelum ianya sah digunakan di jalanraya.

Tahun yang tertera di dalam Katalog Pembeli adalah samada tahun kenderaan dibuat atau kenderaan didaftarkan.

PERHATIAN: SILA BACA DENGAN TELITI DAN FAHAMKAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TERSEBUT DI ATAS SEBELUM MEMBUAT BIDA! PERJANJIAN DI ATAS ADALAH UNTUK GARIS PANDUAN

DAN RUJUKAN SAHAJA. SETIAP BANK MEMPUNYAI TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG BERLAINAN YANG AKAN DIUMUKAN SEMASA LELONGAN AWAM. TERIMA KASIH!